

# Medan Bahasa

## Bahasa Melayu Ialah Bahasa Kebangsaan Dan Rasmi Yang Tunggal

### Bagi Negara Persekutuan Tanah Melayu

Ikrar bahasa kebangsaan telah bergema di angkasa, dilafazkan oleh kira-kira 20,000 orang yang berhimpun di Padang Merdeka pada 22 Julai yang lalu.

Ikrar yang melambangkan azam yang bulat untuk menguatkan bahasa kebangsaan – Bahasa Melayu – yang tunggal di seluruh tanah air itu demikian bunyinya:

**Bahawa kami rakyat Persekutuan Tanah Melayu mengaku taat setia kepada negara ini dan kami mengaku kemuliaan taraf kedudukan bahasa kebangsaan negeri ini.**

**“Dengan itu kami mengaku belajar dan menggunakan serta mengembangkan bahasa kebangsaan negeri ini dengan apa cara jua yang menunjukkan kasih dan taat setia kami kepada negara dan kepada bahasa kebangsaan negeri ini.**

**“Maka itulah akuan kami dengan sebenar-benarnya”**

#### **Azam kerajaan terhadap bahasa kebangsaan**

Dalam ucapannya pada hari yang bersejarah itu Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj, telah menegaskan bahawa kerajaan Perikatan yang dipimpinnya tidak akan berundur barang setapak pun untuk mempertahankan bahasa kebangsaan -

Bahasa Melayu - yang tunggal bagi negeri ini.

Tengku juga telah membidas golongan yang memperjuangkan bahasa Cina dan bahasa India sebagai bahasa rasmi negara ini. “Mereka semata-mata menghabiskan masa sahaja”. Tengku memberi amaran supaya mereka segera berhenti daripada membuat hasutan yang melanggar dasar kebangsaan itu “sebelum berlaku perkara-perkara yang tidak diingini”.

Akhirnya Tengku menyatakan azamnya dengan menegaskan

bahawa bahasa Melayu yang dituturkan oleh 100 juta manusia di seluruh kepulauan Melayu: Tetap menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal pada tahun 1967 seperti yang tertulis dalam perlembagaan.

### **Bahasa Kebangsaan di Universiti Malaya**

Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, Encik Abdul Rahman Talib, tatkala merasmikan pembukaan majlis sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Universiti Malaya, menegaskan:

*Bahawa kerajaan berharap, mulai tahun hadapan, Universiti Malaya akan beransur-ansur menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar.*

### **Warganegara diseru menyesuaikan diri**


Dalam seruannya kepada seluruh rakyat di tanah air, Tuan Syed Nasir bin Ismail, Pengarah Dewan Bahasa dan

Pustaka, yang juga menjadi pengerusi jawatankuasa kerja pusat - Bulan Bahasa Kebangsaan telah menegaskan:

“Hendaknya setiap warganegara, tidak akan memandang, mengkaji dan menimbang dari luar kalau kita hendak memandang keindahan atau keadaan muka bumi Tanah Melayu maka hendaklah pandangan itu dilakukan dari angkasa Tanah Melayu, tidak dari angkasa laut Cina atau dari kemuncak Everest.

“Demikianlah pula timbangan dan tinjauan kita terhadap bahasa kebangsaan perlulah ditinjau dari dalam, dari kepentingan masyarakat negara Tanah Melayu, tidak dari alam yang luar dari Tanah Melayu.”

Akhirnya beliau menyeru supaya sekalian rakyat menyesuaikan diri dengan masyarakat Tanah Melayu dan mengamalkan semboyan: Bahasa Jiwa Bangsa!



**Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj, sedang berucap dalam persidangan wakil-wakil negeri Melayu, pejabat-pejabat kerajaan dan ahli-ahli jawatankuasa kerja pusat, Bulan Bahasa Kebangsaan baharu-baharu ini. Duduk di sebelah kanan Tengku ialah Tuan Syed Nasir bin Ismail, Pengarah Dewan**

**Bahasa dan Pustaka, yang juga menjadi pengerusi Bulan Bahasa Kebangsaan.**